

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ SIK ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abdul Rahman** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian telah mengambil langkah-langkah keselamatan dalam memastikan semua empangan hidroelektrik terutamanya empangan yang sudah lama dibina melebihi 20 tahun seperti Empangan Pedu dan Empangan Gubir di Sik berada dalam keadaan baik dan selamat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah lama mewujudkan kumpulan jurutera dalaman (Unit Perkhidmatan Kejuruteraan - Unit Empangan) untuk memeriksa semua empangan hidro TNB secara berkala setiap 6 bulan. Tugas pemeriksa dalaman adalah untuk:

- (i) memastikan operator empangan melaksanakan senggaraan yang sewajarnya ke atas empangan;
- (ii) memeriksa dan memajukan pemerhatian untuk tindakan operator empangan; dan
- (iii) menganalisa data-data pengawasan empangan sepanjang tempoh tersebut untuk memastikan empangan berada dalam keadaan baik.

2. Bagi setiap 10 tahun, TNB melantik pihak ketiga iaitu *external dam expert*, dengan izin, dari ahli *International Commission on Large Dams* (ICOLD) untuk tujuan berikut:

- (i) memeriksa dan melaporkan keadaan empangan TNB;
- (ii) memeriksa dan menganalisa rekod senggaraan dan laporan pemeriksaan dalaman TNB; dan
- (iii) memberi cadangan untuk penambahbaikan sejajar dengan standard antarabangsa terkini.

3. Dalam hubungan ini, jelaslah Kerajaan melalui TNB telah mengambil tindakan yang berjadual menggunakan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa bagi memastikan empangan hidroelektrik di bawah tanggungjawab TNB sentiasa selamat dan berkeadaan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Empangan Pedu dan Empangan Muda di Gubir Sik adalah di bawah tanggungjawab dan penyeliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kedua-dua empangan ini bukanlah empangan hidroelektrik tetapi berfungsi untuk mengairi kawasan sawah di Kawasan Muda dan

membekalkan keperluan air domestik dan industri untuk Utara Negeri Kedah, Langkawi dan sebahagian Negeri Perlis.

5. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dimaklumkan bahawa MADA telah mengambil langkah-langkah keselamatan seperti berikut :

- (i) menjalankan Program Pemulihan Menyeluruh Komponen Hidromekanikal dan Elektrik Empangan Pedu. Sejumlah RM58.9 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan ini. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama dua tahun iaitu 19 September 2013 hingga 18 September 2015 dan diikuti tempoh penyelenggaraan selama dua tahun iaitu 19 September 2015 hingga 18 September 2017;
- (ii) menjalankan Kajian Keselamatan Empangan setiap sepuluh tahun sekali. Kajian terakhir telah dijalankan pada Tahun 2007 dan mendapati semua empangan MADA dalam keadaan baik dan selamat. Dijangka kajian keselamatan empangan MADA akan dijalankan semula pada tahun 2016. Cadangan kajian ini telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); dan

(iii) pewujudan bahagian khas iaitu Bahagian Pengurusan Empangan Dan Sumber Air MADA yang bertanggungjawab merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan pemantauan terhadap semua empangan MADA.

\*\*\*\*\*